

Jenis Akhbar : *Utusan Online*
Tarikh : 15/01/2018
Edisi / Muka Surat : www.utusan.com.my

Guna platform Mesyuarat Lembaga ICA tolak Kempen Anti Minyak Sawit



Abdul Fattah Abdullah

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) akan menggunakan platform Mesyuarat Lembaga Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) yang akan berlangsung di Brussel, Belgium pada 17 Januari hingga 19 Januari untuk menentang Kempen Anti Minyak Sawit oleh Kesatuan Eropah (EU).

Pengerusi Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, isu berkenaan akan dibentangkan oleh Naib Presidennya yang juga Ahli Lembaga ICA Global, Datuk Kamarudin Ismail mewakili 10 negara pengeluar minyak sawit yang lain.

Kita yakin usaha ini akan mendapat perhatian oleh wakil EU yang akan turut berada dalam Mesyuarat Lembaga itu nanti.

Inisiatif ini dilakukan untuk menjaga kepentingan 650,000 pekebun kecil dalam negarayang dikhuatiri terjejas pendapatannya sekiranya Kempen Anti Minyak Sawit berjaya direalisasikan," katanya dalam sidang akhbar isu Kempen Anti Minyak Sawit di Wisma A. Ungku Aziz, di sini, hari ini.

Abdul Fattah berkata, pihaknya amat berharap agar semua negara EU dapat memberi pertimbangan yang wajar untuk menerima kemasukan minyak sawit kerana ia melibatkan kepentingan ekonomi banyak negara-negara lain. - UTUSAN ONLINE-